

Headline	7 bomba cedera padam kebakaran di tiga kilang		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	07 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Page No	62
ArticleSize	434 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 43,279		



7 bomba cedera padam kebakaran di tiga kilang

Pelabuhan Klang: Tujuh anggota bomba cedera ketika memadamkan kebakaran di tiga kilang, termasuk sebuah kilang racun runtuai, di Pulau Indah, kelmarin.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Selangor, Norazam Khamis, berkata dua anggota dirawat di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang manakala empat lagi diberi rawatan pesakit luar.

Katanya, di lokasi kejadian, berlaku letupan daripada bahan terbakar manakala runtuh dan serpihan batu menimpa seorang mangsa. Empat lain mengadu beres-beres berdekung telinga.

"Seorang lagi anggota terjatuh ketika mengalihkan hos. Anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Pinang, Mohd Pazzuan Ayob cedera di kaki manakala anggota BBP Pelabuhan Klang, Muhammad Ridzuan Kamaruzaman mecur di telinga selain muntah selepas dipercayai terhidu gas beracun dan mengalami gejala pening.

"Lima lagi anggota lain, Mohammad Hazreen Mazlan; Mohammed Walyuddin Mohd Sai-

bani; Mohammad Izwan Salleh; Ahmad Ridzwan Awang dan Mohd Shahrul Azuan Salleh, diberikan cuti sakit dan membuat pemantauan sendiri di rumah," katanya sambil menambah mereka adalah antara 60 bomba yang terlibat dalam operasi pemadaman kebakaran itu.

Katanya, pihaknya menerima panggilan jam 5.37 petang kelmarin, mengenai kebakaran tiga kilang di kawasan perindustrian di Pulau Indah, Pelabuhan Barat.

"Anggota dari lima BBP memadamkan kebakaran berkenaan dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Bomba Westports, Polis Westports, Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Tiba di lokasi kejadian, pasukan kami mendapati ia melibatkan tiga kilang kelas A berkeluasan 5,574 meter persegi.

"Sebuah kilang terbakar 100 peratus manakala dua lagi masing-masing terbakar 50 peratus. Kebakaran dapat dikawal daripada merebak," katanya dalam satu kenyataan, semalam.



Anggota bomba memadamkan kebakaran di tiga kilang di Pulau Indah, Klang kelmarin.

[Foto Ihsan Bomba]